



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA DATO' MUSTAPHA
AZAHARI BIN MA'AROF MENGENAI ERA KEGEMILANGAN
FILEM MELAYU LAMA DI MATA BELIAU

OLEH:

NURUL AMALINA BINTI MD NOOR

(2012462144)

ASMIRRAH BINTI ANOR

(2012837242)

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SEGAMAT,
JOHOR DARUL TAKZIM BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604: DOKUMENTASI LISAN

SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2013 - JANUARI 2014)

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	SENARAI GAMBARAJAH	i
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	1
1.0	PENGENALAN	2
1.1	• Sejarah Awal Filem Melayu	2
1.2	• Kemelut Sinema Malaysia	4
2.0	TRANSKRIP WAWANCARA	8
	↓ Kaset Satu (1) Bahagian A	
	↓ Kaset Satu (1) Bahagian B	
	↓ Kaset Dua (2) Bahagian A	
	↓ Kaset Dua (2) Bahagian B	
	↓ Kaset Tiga (3) Bahagian A	
2.1	• Ralat	82
3.0	LOG WAWANCARA	83
3.1	↓ Kaset Satu (1) Bahagian A	83
3.2	↓ Kaset Satu (1) Bahagian B	88

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.....

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, kami dapat menyiapkan tugas IMR604 Dokumentasi Lisan pada masa yang telah ditetapkan oleh pensyarah kami. Oleh yang demikian, walaupun banyak dugaan serta rintangan yang terpaksa kami hadapi, kami telah berjaya menghasilkan transkrip yang amat bermakna pada kami ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kami ucapkan kepada Dato' Mustapha Azahari bin Ma'arof kerana sudi memberi kerjasama dengan sepenuhnya dan kesudian beliau untuk di temuramah oleh kami mengenai Era Kegemilangan Filem Melayu Lama di Mata Beliau.

Jutaan terima kasih juga ditujukan buat pensyarah kami iaitu Puan Azura bte Abdul Jamil @ Kamarudzzaman yang banyak memberikan tunjuk ajar serta dorongan dan telah banyak membantu kami sepanjang tempoh kami menyiapkan tugas yang telah diberikan ini.

Tidak lupa juga buat keluarga kami yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada kami. Jutaan terima kasih juga diberikan kepada semua yang terlibat di dalam penghasilan transkrip yang amat bermakna buat kami ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA DATO' MUSTAPHA AZAHARI BIN MA'AROF MENGENAI ERA KEGEMILANGAN FILEM MELAYU LAMA DI MATA BELIAU

Abstrak: Transkrip ini merupakan transkrip wawancara yang telah dijalankan bersama Dato' Mustapha Azahari bin Ma'arof pada 28 November 2013. Wawancara ini telah dikendalikan di pejabat beliau di Syarikat Warna Motion Pictures and Marketing Sendirian Berhad, Kuala Lumpur. Wawancara ini telah dijalankan bagi memenuhi keperluan kursus IMR 604: Dokumentasi Lisan. Transkrip ini mengandungi pengenalan berkenaan sejarah awal filem melayu dan kemelut sinema Malaysia pada zaman dahulu. Selain daripada itu, transkrip ini juga mengandungi latar belakang beliau dan keluarga, permulaan beliau dalam menceburkan diri ke dalam bidang seni perfileman, pengalaman pahit dan manis semasa bergelar seorang anak seni dan pendapat beliau tentang kegemilangan filem melayu lama.

Kata Kunci: Filem, Keris Filem, Cathay Keris, Pecah panggung, Merdeka Studio, P. Ramlee, Pontianak

1.1 Sejarah Awal Filem Melayu

Sejarah filem Malaysia telah dimulakan di Singapura seawal tahun 1940an, filem pertama ialah *Laila Majnun* pada 1933 arahan B. S. Rajhans. Dunia filem ketika itu telah dipelopori oleh dua buah studio yang terkenal iaitu studio Shaw Brothers dan Keris Filem. Keris Filem telah menukar namanya kepada Cathay Keris pada 1948 atas alasan yang tertentu.

Penukaran tersebut telah menjadikan Ho Ah Loke dan Loke Wan Tho sebagai rakan kongsi. Studio Shaw Brothers yang terletak di Jalan Ampas Singapura, adalah milik dua orang adik beradik iaitu Run Run Shaw dan Rumeo Shaw. Bermula dengan kehadiran pengarah-pengarah filem India Shaw Brothers telah menjadi tapak bagi permulaan kerjaya pengarah filem Melayu. Persaingan antara Shaw Brothers dan Cathay Keris menjadikan kedua-duanya mahu menjadi yang terbaik dan terkenal.

Melalui dua buah studio yang dibina di Singapura ini muncul ramai artis yang terkenal hingga ke hari ini. Setiap studio telah bertindak sebagai sebuah akademi dalam melahirkan artis yang menjadi pujaan ramai. Antara artis yang menjadi pujaan ketika itu ialah Siput Sarawak, Maria Menado, Latifah Omar, Nordin Ahmad, Ahmad Mahmood, Normadiah dan ramai lagi. Setiap studio mempunyai artisnya sendiri, oleh itu tidak hairanlah jika sesebuah filem yang dikeluarkan mudah dikenali melalui watak utamanya. Senario ini seolah-olah mengikat pelakon supaya tidak berhijrah ke studio yang lain.

Selain dari dua buah studio yang terkenal ini terdapat juga studio-studio lain seperti Nusantara Film dan Rimau Film. Studio-studio filem yang kecil ini tidak banyak mengeluarkan filem berbanding dengan Shaw Brothers dan Cathay Keris. Bagi Shaw Brothers dan Cathay Keris mengeluarkan lebih dari lima buah filem dalam setahun merupakan satu kemestian bagi mereka. Pengarah filem India yang terkenal seperti B.N Rao, L. Krishnan, S Ramanathan dan ramai lagi, menjadi aset bagi dua buah studio yang terkenal ini.